

'Kerjasama media penting bagi perkasa suara warga kota'

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengulangi komitmennya untuk menjalinkan kerjasama yang kukuh dengan pihak media dan Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC) dalam usaha memperkasakan suara pelbagai pihak berkepentingan di ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, justeru, beliau berharap dapat mengadakan sesi libat urus dengan pihak media untuk menyalurkan maklumat terkini tentang fakta dan angka, pembangunan strategik serta program penglibatan komuniti yang memberi kesan secara langsung kepada

warga Kuala Lumpur.

"Kami tidak boleh melakukan perkara ini secara bersendirian. Di pihak anda, saya menyeru media memainkan peranan utama serta menjadi mata dan telinga Dewan Bandaraya bagi memastikan suara jutaan pihak berkepentingan di Kuala Lumpur didengari," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Jubli Intan NPC di sini, semalam.

Beliau juga berkata, imej Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang bertenaga dan menarik adalah penting kerana ia merupakan pengenalan pertama Malaysia kepada pelancong antarabangsa.